

**Destini Prima Raih Kontrak Kementerian Pertahanan Bernilai RM98.85 Juta  
Bernama**

**7 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Destini Prima Sdn Bhd, unit dalam Destini Bhd, memperoleh kontrak daripada Kementerian Pertahanan bernilai RM98.85 juta bagi membekalkan alat ganti pesawat "bukan hak milik" Tentera Udara Diraja Malaysia.

Kontrak tiga tahun itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan sesaham, aset bersih sesaham dan nisbah hutang Kumpulan Destini, kata syarikat itu dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini.

Destini terlibat dalam pengedaran dan pembekalan peralatan pertahanan, penerbangan komersil, peralatan marin selain menyelenggara peralatan keselamatan dan kelangsungan hidup.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028628>